



**BAHAGIAN PELESENAN
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN
LESEN HIBURAN DAN PERMIT HIBURAN**

**BAHAGIAN PELESENAN
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU,
MENARA MBKT,
NO 1, JALAN WARISAN TANJUNG 1,
20000 KUALA TERENGGANU,
TERENGGANU DARUL IMAN.**

TEL: 09-612 1111

EMEL: jkpersekitaran@gmail.com

LAMAN SESAWANG: www.mbkt.gov.my

1.0 OBJEKTIF GARIS PANDUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan mengenai tatacara untuk memohon Lesen Hiburan dan Permit Hiburan bagi mendapat kelulusan untuk beroperasi dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT).

2.0 OBJEKTIF PELESENAN

- i) Memastikan semua aktiviti hiburan yang beroperasi dalam kawasan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu mendapat kelulusan pihak Majlis.
- ii) Untuk mengawal dan memastikan aktiviti ini mematuhi segala syarat pelesenan agar aktiviti berjalan dalam keadaan teratur dan selamat.
- iii) Untuk tindakan penguatkuasaan sekiranya berlaku ketidakpatuhan syarat dan kacauganggu.

3.0 SKOP PELESENAN

Mana-mana aktiviti perniagaan berunsur hiburan yang dijalankan dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dan di kelaskan sebagaimana berikut :

Bil.	Aktiviti	Definisi	Contoh
1.	Lesen Hiburan	Bagi aktiviti yang dijalankan di dalam premis	
2.		Bagi aktiviti yang diadakan dalam tempoh masa yang singkat seperti hiburan dalam karnival, sebarang jenis pertandingan yang melibatkan manusia @ haiwan, persembahan pentas, permainan.	

4.0 ASAS PERUNDANGAN

Semua aktiviti hiburan yang dilesenkan adalah berdasarkan pada Undang-Undang Kecil yang diwartakan dan digunakan oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) iaitu:

- i) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- ii) Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 2002
- iii) Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian(MBKT) 2013
- iv) Undang-undang Kecil Iklan (MBKT) 1982
- v) Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan MBKT 1985

5.0 LARANGAN

- 2.1 Hari dan tempoh masa yang tidak dibenarkan untuk menjalankan operasi tempat atau premis hiburan bagi adalah meliputi :-

Malam Jumaat	: Daripada pukul 6.00 petang pada hari Khamis hingga pukul 3.00 petang hari Jumaat.
Hari Maulud Nabi	: Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga 6.00 petang hari itu
Hari Mi'raj	: Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 pagi hari itu.
Hari Nisfu Syaaban	: Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 pagi hari itu.
Hari Pertama Raya	: Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga Puasa (Aidilfitri) pukul 2.00 petang hari itu.
Hari Pertama Raya	: Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga Haji (Aidil Adha) pukul 9.30 malam hari itu.
Hari Dalam Bulan Ramadhan	: Daripada pukul 6.00 petang hingga 9.30 malam.
Awal Muharram (Maal Hijrah)	: Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 3.00 petang hari itu.
Hari Arafah	: Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 pagi hari itu.

- 2.2 Sebarang aktiviti tidak bermoral, kegiatan maksiat, penggunaan atau pengedaran dadah, aktiviti perjudian dan seumpamanya yang melibatkan pekerja, pelanggan atau artis adalah dilarang.

- 2.3 Tiada sebarang percampuran antara lelaki dan wanita dibenarkan dalam sesuatu program berunsur hiburan.
- 2.4 Bagi pertunjukan pentas, tiada persembahan artis wanita di hadapan lelaki.
- 2.5 Semua peniaga, artis dan mana-mana yang terlibat dalam aktiviti hiburan hendaklah berpakaian sopan dan menutup aurat dengan sempurna.

6.0 PENGECUALIAN

Mana-mana orang boleh memohon kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi pengecualian :

- (a) daripada pembayaran fi lesen berhubungan dengan suatu hiburan atau untuk membuka tempat hiburan
- (b) daripada pembayaran jaminan berkenaan dengan lesen itu; atau
- (c) dari mana-mana peruntukan Enakmen ini atau Kaedah –kaedah ini



Dengan syarat bahawa hiburan atau kelas hiburan , atau tempat atau kelas hiburan berkenaan adalah bagi tujuan secara eksklusif untuk maksud keagamaan , pendidikan atau khairat.

7.0 PEMBEKUAN LESEN / PERMIT

Aktiviti yang dibekukan ialah mesin permainan berunsurkan judi dan pembekuan aktiviti ini adalah ditentukan berdasarkan kepada dasar-dasar Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

8.0 ASAS PERMOHONAN

Bil	Perkara	Catatan	Contoh
1.	<p>Satu Salinan Memorandum dan Perkara Persatuan bagi Syarikat (Memorandum and Articles Of Association). Borang 24 (Return Of Allotment Of Shares dan Borang 49(Return Giving Particulars in Register of Directors Managers and Secretaries And Changes of Particular) Akta Pendaftaran Syarikat 1965</p> <p>Atau</p> <p>Satu salinan Borang A (Pendaftaran Perniagaan) atau Borang B (Pendaftaran Perubahan Dalam Perniagaan) dan Borang D (Perakuan Pendaftaran Perniagaan) mengikut Ordinan Pendaftaran Perniagaan 1956 atau satu salinan Pendaftaran Koperasi.</p>	1 salinan	

2.	Salinan Kad pengenalan Pemohon	1 keping	
3.	Gambar berwarna berukuran pasport (bagi permohonan individu)	2 keping	
4.	Salinan surat perjanjian penyewaan atau surat kebenaran tuan bangunan / tuan tanah atau surat kelulusan penyewaan dari Bahagian Pengurusan Harta (premis Majlis)	1 salinan	
5.	Lakaran pelan lokasi dan 1 keping gambar premis (pandangan keseluruhan bangunan)	1 salinan	
6.	Salinan Sijil Akuan Kelayakan Menduduki Bangunan (SAKMB) / Sijil Perakuan Siap Dan pematuhian (CCC) / Permit Sementara / Surat Kelulusan Pindaan Bangunan / Kelulusan Ubah Kegunaan yang telah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu Dan/ Atau Salinan Resit Taksiran atau surat pengesahan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis Bandaraya Kuala Terengganu mengenai status cukai taksiran.	1 salinan setiap perkara	
7.	Surat wakil dan salinan kad pengenalan wakil pemohon lesen (jika berkaitan)	1 salinan	

8.	<p>Lakaran/ visual papan iklan Penggunaan Bahasa Malaysia dan Tulisan Jawi adalah diwajibkan</p> <p>Dan</p> <p>Penggunaan tulisan jawi hendaklah terbesar dan teratas dari lain-lain bahasa.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengesahan Dewan Bahasa dan Pustaka adalah diutamakan). - Penggunaan kalimah ‘Allah’ dan ‘Muhammad’ tidak dibenarkan sama sekali. 	2 keping contoh bagi setiap iklan	

9.0 DOKUMEN TAMBAHAN MENGIKUT PERMOHONAN

Pemohon dikehendaki untuk mengemukakan 1 salinan dokumen sokongan dari agensi yang berkaitan seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bahagian Kerajaan Tempatan), Polis Diraja Malaysia Kuala Terengganu (PDRM), berdasarkan aktiviti perniagaan yang dijalankan sebagaimana berikut :

BIL	AKTIVITI	SOKONGAN YANG DIPERLUKAN
1.	Pusat Hiburan, Pub/Bar, Lounge/Karaoke	a) Lesen Liquor dari Pejabat SUK b) Sokongan Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri. c) Kelulusan ubahguna daripada Jabatan Kawalan Bangunan, MBKT (jika berkaitan) d) Pejabat Agama Daerah Terengganu e) Ibu Pejabat Polis Kuala Terengganu
2.	Pawagam	a) Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri b) Jabatan Bomba dan Penyelamat c) Kelulusan ubahguna bangunan dari Jabatan Kawalan Bangunan, MBKT d) Pejabat Agama Daerah
3.	Boling	a) Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri b) Jabatan Bomba dan Penyelamat c) Kelulusan ubahguna bangunan dari Jabatan Kawalan Bangunan, MBKT d) Pejabat Agama Daerah
4.	Snooker	a) Pejabat Agama Daerah b) Jabatan Bomba dan Penyelamat c) Ibu Pejabat Polis


5.	Konsert	a) Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri b) Pejabat Agama Daerah
6.	Pesta Ria	a) Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
7.	Perhimpunan	a) Ibu Pejabat Polis



10.0 KAE DAH PERMOHONAN

Muat turun borang (untuk borang percuma sahaja)	Muat turun borang (Sumber- Jabatan Kesihatan Persekutaran) dalam laman web MBKT www.mbkt.gov.my dan serahkan borang permohonan yang lengkap beserta dokumen lampiran secara manual di kaunter setempat Bahagian Pelesenan, MBKT.
Manual (Borang permohonan boleh didapati di kaunter setempat Bahagian Pelesenan, MBKT dan borang permohonan yang lengkap diserahkan di kaunter berkenaan.	<p>Kaunter Setempat, Aras Bawah Menara MBKT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, 20000 Kuala Terengganu.</p> <p>Kaunter Bayaran, Pejabat MBKT Cawangan Kuala Nerus, Gong Badak</p> <p>Waktu Operasi Kaunter:</p> <p>Ahad - Rabu 8.00 pagi – 4.00 petang</p> <p>Khamis 8.00 pagi- 3.00 petang</p> <p>No.Tel :09-612 1111 Faks :09-612 1212</p> <p>E-mel jkpersekitaran@gmail.com Laman sesawang www.mbkt.gov.my</p>

11.0 CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN HIBURAN DAN PERMIT HIBURAN



12. SYARAT PEMATUHAN SELEPAS KELULUSAN

SYARAT –SYARAT DI BAWAH ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2002 (ENAKMEN NO. 12 TAHUN 2002) KAEADAH-KAEADAH HIBURAN DAN TEMPAT – TEMPAT HIBURAN 2003

A) PENGAWALAN DAN HIBURAN TEMPAT – TEMPAT HIBURAN

1. Mempamer Lesen

Lesen hiburan dan syarat – syarat lesen hendaklah dipamerkan di premis hiburan pada setiap masa.

2. Tempat Letak Kereta

Lesen perniagaan tempat hiburan hendaklah mengadakan dan menguruskan suatu tempat letak kereta yang sesuai di sekitar tempat hiburan.

3. Perlindungan Insurans

Pemegang lesen hendaklah mengambil perlindungan insurans yang mencukupi bagi menjamin keselamatan orang ramai yang masuk ke tempat hiburan itu.

4. Kebersihan Premis

Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa menjaga kebersihan tempat hiburannya sehingga memuaskan hati Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Pemegang lesen hendaklah menyediakan tong sampah bertudung yang secukupnya dan menggunakan beg plastik.

5. Kacauganggu yang disebabkan oleh bunyi

Pemegang lesen hendaklah mengawasi paras bunyi yang disebabkan oleh hiburan yang disediakan di dalam tempat hiburannya dan memastikan bahawa bunyi demikian tidak mewujudkan sesuatu kacauganggu.

6. Kemudahan Tandas

- i) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa kemudahan tandas disediakan dan diselenggara dalam keadaan baik dan bersih pada setiap masa.
- ii) Tiap – tiap tandas itu dilengkapi dengan paip, baldi dan hos untuk memudahkan pembersihan.

7. Kelengkapan Pertolongan Cemas

Pemegang lesen hendaklah menyedia dan menyelenggarakan dalam keadaan baik pada setiap masa di tempat hiburan itu sesuatu kotak pertolongan cemas yang sesuai yang mengandungi pembalut dan alat –alat pertolongan cemas yang dinyatakan di bawah ini : -

- i) Pembalut yang disteril, setiap satu berukuran daripada 7.6 sentimeter x 7.6 sentimeter bagi luka dan luka terbakar.
- ii) Satu gulung kapas yang disteril tidak kurang daripada 300 gram.

- iii) Dua gulung kain pambalut, setiap satu gulung tidak kurang 7.6 sentimeter x 5.5 sentimeter.
- iv) Tiga helai kain berbentuk segitiga.
- iv) Satu gulung pengikat pendarahan berukuran 2.54 sentimeter x 2.74 sentimeter.
- vi) Satu pasang gunting keluli tahan karat.
- vii) Satu kotak pin keselamatan.
- viii) Satu kiub krim dan antiseptik.

8. Keselamatan Orang Awam

- i) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pembinaan premis, susunan tempat duduk, keperluan – keperluan pasukan bomba dan pemasangan dan pencahayaan elektrik, ganti udara dan mekanikal adalah mengikuti undang - undang yang berhubung dengannya.
- ii) Semua alat pencegahan kebakaran diselenggara dengan wajar dan dalam keadaan yang boleh digunakan dengan baik.
- iii) Semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar adalah bebas daripada halangan dan semua pintu keluar adalah sentiasa tidak dikunci pada setiap masa untuk penguatkuasaan.

9. Gantian Udara

Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah yang perlu dan sesuai untuk memastikan bahawa terdapatnya gantian udara itu dijaga dalam keadaan boleh digunakan dengan baik pada setiap masa.

10. Kamera CCTV

Pemegang lesen hendaklah memasang kamera CCTV di pintu masuk dan sekurang – kurangnya satu di tempat aktiviti hiburan.

11. Pencahayaan

Pemegang lesen hendaklah memasang lampu yang sempurna dan terang di kawasan persekitaran dan dalam premis hiburannya.

B) HAD – HAD LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN

12. Had Hiburan

Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada hiburan selain daripada yang dinyatakan dalam lesen hiburan boleh dibenarkan dalam tempat hiburan itu.

13. Bilangan Mesin yang dibenarkan

Pemegang lesen hendaklah memastikan bilangan mesin bagi apa – apa permainan yang dibenarkan dalam tempat hiburan tidak boleh melebihi bilangan yang dinyatakan di dalam lesen.

14. Bilangan Orang Yang Dibenarkan

Pemegang lesen tidak boleh membenarkan lebih daripada bilangan orang yang dinyatakan di dalam lesen untuk memasuki atau berada di dalam sesuatu tempat hiburan.

15. Hiburan Lucah Dilarang

Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada hiburan yang lucah boleh dibenarkan di mana-mana tempat hiburan.

16. Tayangan Video Dan Filem

Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada sebarang tayangan filem atau CD / DVD dimainkan termasuk yang berunsur lucah.

17. Kegiatan Maksiat Atau Lucah

Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada kegiatan maksiat atau lucah yang melibatkan pelanggan, pekerja atau artis dijalankan di premis hiburan masing-masing dan adalah menjadi tanggungjawab pemegang lesen untuk mencegah aktiviti tersebut.

18. Penggunaan Atau Pengedaran Dadah

Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada apa-apa dadah atau pil-pil yang diharamkan digunakan atau diedarkan di premis hiburan masing-masing dan adalah menjadi tanggungjawab pemegang lesen untuk memastikan premis mereka bebas dari dadah atau pil-pil diharamkan tersebut.

19. Pakaian

Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pelakon, pelesen, pekerja dan pengunjung dalam sesuatu tempat hiburan berpakaian kemas dan sopan.

- i) Tidak dibenarkan berseluar pendek.
- ii) Tidak dibenarkan memakai baju tanpa lengan.
- iii) Tidak dibenarkan memakai selipar.

20. Orang Yang Mabuk Dilarang

Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada orang yang mabuk boleh dibenarkan memasuki atau berada di dalam mana-mana premis hiburan.

21. Tiada Pertaruhan Atau Perjudian Dibenarkan (Akta 289, Ord. 47/1953)

Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiada pertaruhan, loteri atau perjudian sebagaimana yang ditafsirkan dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 (Akta 289) atau Ordinan Pertaruhan 1953 (Ord. 47/1953) dijalankan dalam premis hiburan.

22. Dilarang Manipulasi

Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada radar yang berupaya membuat Pelarasan boleh digunakan dalam apa-apa permainan untuk mengubah seseorang pemain daripada mencapai tujuannya.

23. Tiada bir atau minuman yang memabukkan atau mana-mana minuman yang dilarang oleh Datuk Bandar boleh dihidang atau diminum.

24. Pegawai Perhubungan Pelanggan

Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada sebarang penggunaan khidmat Pegawai Perhubungan Pelanggan (GRO) ditawarkan dan adalah ditegah dan dilarang sama sekali.

25. Jumlah Bilik Dan Karaoke Yang Dibenarkan

- Pemegang lesen hendaklah memastikan bilik-bilik di dalam premis hiburan bagi karaoke dilengkapi dengan pintu yang diperbuat daripada cermin yang boleh dilihat dari dalam dan luar.
- Jumlah bilik dan karaoke yang dibenarkan adalah tertakluk kepada kelulusan Datuk Bandar iaitu sebanyak _____

26. Had Umur Pelanggan

- Pemegang lesen hendaklah memastikan had umur pelanggan atau pekerja hendaklah 18 tahun keatas boleh melanggani atau bekerja di sesuatu tempat atau premis hiburan.
- Pelanggan yang berumur 18 tahun ke bawah boleh dibenarkan untuk memasuki sesuatu tempat hiburan, pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pelanggan 18 tahun ke bawah itu disertai bersama ibu bapa, penjaga yang sah atau seorang dewasa.

27. Notis Dan Papan Kenyataan

Pemegang lesen hendaklah mengadakan dan mempamerkan notis atau papan kenyataan pada satu tempat yang mudah dilihat di dinding luar tempat hiburan bagi menerangkan perkara-perkara berikut:-

- i) Had umur pelanggan atau pekerja yang dibenarkan memasuki tempat untuk premis hiburan ini adalah 18 tahun ke atas.
- ii) Kanak-kanak berpakaian seragam sekolah tidak dibenarkan untuk memasuki tempat atau premis hiburan ini.

- iii) Pelanggan yang berumur 18 tahun ke bawah boleh dibenarkan untuk memasuki sesuatu tempat hiburan. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pelanggan 18 tahun ke bawah itu disertai bersama ibu bapa, penjaga yang sah atau seorang dewasa.
- iv) Papan tanda atau notis waktu perniagaan yang dibenarkan hendaklah dipamerkan.
28. Masa Operasi
- Masa operasi tempat atau premis hiburan bagi karaoke / snoker / billiard / bowling / pertunjukan pentas atau hiburan-hiburan lain _____ adalah mulai jam_____ petang hingga 12.00 tengah malam.
29. Penangguhan Aktiviti Hiburan
- Semasa pengoperasian tempat atau premis hiburan bagi karaoke / snoker / billiard / bowling / pertunjukan pentas / hiburan lain / _____. Pemegang lesen diwajibkan menangguhkan apa-apa juau aktiviti hiburan / _____ 10 minit sebelum dan 20 minit selepas mana-mana waktu sembahyang bagi orang Islam.
30. Hari Dan Tempoh Masa Yang Dilarang

Hari dan tempoh masa yang tidak dibenarkan untuk menjalankan operasi tempat atau premis hiburan bagi _____ adalah meliputi :-


Malam Jumaat	:	Daripada pukul 6.00 petang pada hari Khamis hingga pukul 3.00 petang hari Jumaat.
Hari Maulud Nabi	:	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga 6.00 petang hari itu
Hari Mi'raj	:	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 pagi hari itu.
Hari Nisfu Syaaban	:	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 pagi hari itu.
Hari Pertama Raya Puasa (Aidilfitri)	:	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 2.00 petang hari itu.
Hari Pertama Raya Haji (Aidil Adha)	:	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 9.30 malam hari itu.
Hari Dalam Bulan Ramadhan	:	Daripada pukul 6.00 petang hingga 9.30 malam.
Awal Muharram (Maal Hijrah)	:	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 3.00 petang hari itu.
Hari Arafah	:	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 pagi hari itu.

31. Pemegang lesen hendaklah mematuhi arahan atau notis yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar MBKT dari masa ke semasa berhubung waktu operasi perniagaan.
32. Datuk Bandar MBKT atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh memasuki dan memeriksa mana-mana bahagian, tempat atau premis yang digunakan bagi maksud apa-apa aktiviti hiburan, tred perniagaan pada bila-bila masa.
33. Datuk Bandar MBKT boleh mengeluarkan atau mengenakan apa-apa syarat tambahan dari masa ke semasa. MBKT boleh membatalkan lesen hiburan karaoke / snoker / billiard /bowling / pertunjukan pentas / hiburan-hiburan lain _____ tanpa memberikan apa-apa sebab pada bila-bila masa.

C. PENALTI

34. Penalti

Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana syarat atau sekatan lesen hiburan dan lesen untuk membuka tempat hiburan atau kedua-duanya atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan kaedah-kaedah hiburan dan tempat-tempat hiburan 2003 adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi RM2000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.



SYARAT - SYARAT AM PAWAGAM

1. Lesen hendaklah dipamer di tempat yang mudah dilihat.
2. Semua penonton hendaklah berpakaian kemas dan sopan sebelum dibenarkan memasuki pawagam dan memastikan tiada seorang pun penonton berkelakuan tidak bermoral.
3. Hendaklah mendendangkan lagu Negara ku sebelum tayangan diadakan.
4. Tidak dibenarkan sebarang minuman yang memabukkan / dadah dibenarkan dibawa masuk / minum ke dalam pawagam.
5. Tidak dibenarkan mana - mana penonton yang dibawah pengaruh dadah / alkohol dibenarkan masuk.
6. Hendaklah mengadakan CCTV dan memastikannya berfungsi dengan baik dan sempurna serta membenarkan mana - mana Pegawai Majlis atau orang yang diberi kuasa untuk melihat rakaman CCTV tanpa apa - apa sekatan bagi tujuan pemeriksaan jika dikehendaki.
7. Tidak dibenarkan merokok / vaping di dalam pawagam.
8. Semua iklan yang berbentuk rokok dan minuman keras (memabukkan) adalah dilarang sama sekali.
9. Tidak dibenarkan tayangan diadakan sebagaimana pada hari dan waktu sebagaimana helaian berkembar.
10. Semua filem yang ditayangkan hendaklah mendapat kelulusan dari FINAS atau lain - lain pihak yang berkuasa.
11. Kebersihan di dalam pawagam hendaklah dipastikan kebersihannya pada setiap masa.
12. Hendaklah memastikan keharmonian di dalam pawagam dan tidak menimbulkan sebarang kacau ganggu.
13. Tayangan hendaklah dihentikan 10 minit sebelum dan 20 minit selepas waktu Maghrib.
14. Semua pekerja hendaklah beruniform dan memakai tag nama.
15. Hendaklah membenarkan mana - mana pegawai Majlis atau mana – mana orang yang diberi kuasa memasuki pawagam bagi tujuan pemeriksaan pada bila- bila masa.
16. Pihak Majlis pada bila – bila masa berhak untuk menambah atau meminda mana – mana syarat dan adalah berkewajipan pihak tuan untuk mematuhi syarat-syarat tersebut.

SYARAT - SYARAT AM BOLING

1. Semua pemain / penonton / pengunjung hendaklah berpakaian yang bersesuaian dan kemas serta tidak menjolok mata.
2. Tidak membenarkan pemain / penonton/ pengunjung yang dibawah pengaruh alkohol / dadah memasuki premis.
3. Tidak dibenarkan merokok / vaping / minum minuman yang memabukkan di arena/gelanggang/ premis.
4. Kebersihan premis / arena / gelanggang hendaklah dipastikan pada setiap masa.
5. Lesen hendaklah dipamer di tempat yang mudah dilihat.
6. Hendaklah memastikan semua pemain / penonton /pengunjung berkelakuan baik dan tidak menimbulkan sebarang kacau ganggu.
7. Peralatan yang digunakan termasuk mesin boling / gelanggang hendaklah diselenggara dengan baik agar ianya tidak mendatangkan bahaya / kecederaan kepada pemain/ penonton/ pengunjung.
8. Masa pengendalian pada waktu malam hendaklah dimulai selepas 20 minit waktu maghrib berlalu.
9. Tidak dibenarkan sebarang aktiviti pada waktu dan tarikh sebagaimana helaian berkembar.
10. Hendaklah mengadakan CCTV dan hendaklah diselenggara serta berada dalam keadaan yang baik dan sempurna serta membenarkan mana – mana Pegawai Majlis atau orang yang diberi kuasa untuk melihat rakaman CCTV tanpa apa - apa sekatan bagi tujuan pemeriksaan jika dikehendaki.
11. Semua pekerja hendaklah beruniform dan memakai tag nama.
12. Hendaklah membenarkan mana - mana pegawai Majlis atau mana – mana orang yang diberi kuasa memasuki premis bagi tujuan pemeriksaan pada bila -bila masa.
13. Pihak Majlis pada bila – bila masa berhak untuk menambah atau meminda mana – mana syarat dan adalah berkewajipan pihak tuan mematuhiinya.

**ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2002
(ENAKMEN NO. 12 TAHUN 2002)**

PEMATUHAN GARIS PANDUAN KARAOKE

1. Bilik / ruang bagi menjual minuman keras hendaklah diasingkan daripada bilik karaoke.
2. Pengusaha hendaklah menyediakan / memasang kamera CCTV di pintu masuk dan sekurang-kurangnya satu di tempat aktiviti hiburan tersebut.
3. Pintu hendaklah di tukar kepada pintu telus cahaya.
4. Keseluruhan dalam premis hendaklah dicat dengan warna yang terang serta dibekalkan dengan pencahayaan yang mencukupi.
5. Pengusaha hendaklah memastikan paras bunyi yang disebabkan oleh hiburan yang disediakan tidak mewujudkan sesuatu kacauganggu.
6. Bagi aktiviti penjualan minuman keras / minuman yang memabukkan, pengusaha hendaklah membuat permohonan secara berasingan bagi mendapatkan lesen tersebut dengan pihak Majlis.
7. Tidak dibenarkan memasang/menampal sebarang iklan rokok, minuman keras, gambar/poster lucu dan tidak bermoral. Pengusaha hendaklah memastikan premis pusat snooker adalah "KAWASAN LARANGAN MEROKOK".
8. Pengusaha hendaklah menjaga dan menyelenggara tempat premis supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih serta menyediakan tong sampah yang mencukupi.

**ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2002
(ENAKMEN NO. 12 TAHUN 2002)**

GARIS PANDUAN SNOOKER/ BILLIARD

1. Kedudukan premis pusat snooker hendaklah jauh daripada sekolah, tempat ibadat dan kawasan perumahan, penentuan jarak akan ditentukan oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.
2. Bahagian dalam premis tidak dibenarkan diadakan/ mengadakan sebarang sekatan /hadangan.
3. Dinding bahagian hadapan premis hendaklah telus cahaya dan sentiasa bertutup.
4. Pengusaha hendaklah memastikan tiada gangguan bunyi bising yang menjadi gangguan/kacauganggu.
5. Pengusaha hendaklah memastikan pencahayaan dan pengudaraan sentiasa mencukupi.
6. Tidak dibenarkan memasang/menampal sebarang iklan rokok, minuman keras, gambar/poster lucu dan tidak bermoral. Pengusaha hendaklah memastikan premis pusat snooker adalah "KAWASAN LARANGAN MEROKOK".
7. Tidak dibenarkan menjual/ membawa masuk ke dalam premis minuman keras dan sebarang minuman memabukkan.
8. Tidak dibenarkan sebarang aktiviti perjudian/pertaruhan diadakan dalam premis pusat snooker.
9. Semua pekerja dan pengunjung hendaklah berpakaian kemas serta sopan.
10. Setiap pusat snooker hendaklah menyediakan seorang jurulatih yang diktiraf oleh Majlis Sukan Negeri dan Majlis Sukan Negara.
11. Waktu operasi dibenarkan bermula jam 10.00 pagi hingga 1.00 pagi manakala bagi yang berumur di bawah 18 tahun dibenarkan sehingga jam 7.00 malam sahaja.
12. Setiap pusat snooker hendaklah menyediakan tandas yang mencukupi.
13. Pengusaha hendaklah menjaga dan menyelenggara tempat premis supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih serta menyediakan tong sampah yang mencukupi.
14. Pengusaha hendaklah memastikan keadaan penuh sesak tidak berlaku dalam premis.
15. Tidak dibenarkan diadakan sebarang aktiviti lain selain dari snooker.
16. Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh memasuki dan memeriksa mana-mana premis yang digunakan bagi maksud pusat snooker dan tred perniagaan pada bila-bila masa.
17. Pengusaha hendaklah mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu .
18. Datuk Bandar boleh mengeluarkan apa-apa syarat tambahan dari semasa ke semasa dan juga boleh membatalkan mana-mana lesen tanpa memberikan apa-apa sebab.

SYARAT-SYARAT PEMASANGAN IKLAN/ IKLAN LUAR

1. Hadapan premis perniagaan milik pemohon/ syarikat dan tempat-tempat yang dibenarkan oleh Majlis untuk memasang iklan luar/semestara.
2. Pemohon bertanggungjawab memastikan iklan/ iklan sementara dipamer atau dipasang dengan kemas, seragam dan teratur serta tidak mendatangkan kacau ganggu kepada orang awam.
3. Penggunaan bahasa/ gambar lucah dan visual yang tidak bermoral/ mendedahkan aurat adalah ditegah dan tidak dibenarkan sama sekali.
4. Penggunaan visual minuman yang memabukkan adalah tidak dibenarkan sama sekali kecuali pada premis non-muslim yang dileSENKEN untuk jualan minuman yang memabukkan.
5. Mengemukakan Insurans Tanggungan Awam bagi setiap paparan yang melebihi saiz 100 kaki persegi.
6. Pemasangan iklan luar/ sementara juga dilarang dipasang di tiang berhampiran dengan lampu isyarat (sekurang-kurangnya perlu jarak 1 tiang dari lampu isyarat) dan berhampiran dengan persimpangan jalan yang boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya.
7. Permit hendaklah dipamerkan dengan melekatkan pelekat (sticker) yang sah oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.
8. Pihak Majlis berhak menurunkan iklan/ iklan luar sekiranya :
 - i) mengalami kerosakan
 - ii) lokasi pemasangan bertentangan dengan kelulusan permit
 - iii) visual yang dipamerkan tidak selari dengan kelulusan permit
 - iv) tamat tempoh permit

13.0 PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN HIBURAN DAN IKLAN

13.1 Syarat Pembaharuan Lesen

Pemilik lesen perlu memperbaharui lesen perniagaan & iklan yang telah dimiliki seawal 2 bulan sebelum tamat tempoh lesen iaitu bermula 1 November setiap tahun bagi mengelakkan lesen perniagaan & iklan yang dimiliki dibatalkan dan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan ke atas pemilik.

13.2 Kaedah Pembaharuan Lesen

Pemilik lesen boleh membuat pembaharuan lesen dengan cara mengemukakan dokumen berikut:

- a) Lesen perniagaan & iklan semasa milik pelesen semasa berurusan di kaunter.

13.3 Pembayaran pembaharuan lesen boleh dibuat dengan cara berikut:

- a) Melalui kaunter setempat Bahagian Pelesenan di Lobi Menara MBKT/ Kaunter Pejabat MBKT Cawangan Kuala Nerus/ Kaunter MBKT di tingkat 4, Kompleks UTC (Paya Bunga Square).
- b) Melalui MBKT Online – Epayment@MBKT

14.0 PIAGAM PELANGGAN

